

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 63

Theresa menmbekalkan perkhidmatan rekabentuk dalaman kepada pelanggan-pelanggannya. Bagi tahun berakhir 30 Jun 2017, baki-baki berikut telah diperoleh daripada buku perniagaannya:

Akaun	RM	Akaun	RM
Bangunan	80,000	Akaun belum terima	2,400
Perabot	18,600	Akaun belum bayar	1,800
Alatan pejabat	10,400	Hasil sewa	4,800
Hasil perkhidmatan	42,680	Sewa belum terima	600
Faedah belum bayar	230	Pinjaman	12,000
Belanja faedah	850	Inventori alat tulis	60
Belanja gaji	9,600	Belanja runcit	320
Belanja utiliti	380	Tunai	530
Deposit utiliti	200	Bank	2,350
Ambilan	3,640	Belanja insurans	240
Belanja alat tulis	80	Caj bank	60

Dikehendaki:

Hitung yang berikut bagi perniagaan Theresa's untuk tahun berakhir 30 Jun 2017:

- i. Jumlah aset bukan semasa
- ii. Jumlah aset semasa
- iii. Jumlah laibiliti bukan semasa
- iv. Jumlah liabiliti semasa
- v. Jumlah belanja
- vi. Jumlah hasil
- vii. Modal awal
- viii. Modal akhir